

Pemetaan gua batu kapur di Gunung Senyum, Temerloh, Pahang

HAMZAH ZAKARIA, KAMAL ROSLAN MOHAMED & CHE AZIZ ALI

Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Gunung Senyum merupakan bukit batu kapur yang terdiri daripada batu kapur berusia Perm-Trias. Jujukan Batu Kapur Gunung Senyum terdiri daripada batu kapur tebal hingga masif dan bewarna kelabu hingga cerah. Sebanyak 12 buah gua telah dipetakan dengan terperinci untuk mengenalpasti jenis dan kedudukan fitur-fitur yang ada. Antara gua-gua tersebut ialah Gua Kolam Tujuh, Gua Terang Bulan, Gua Taman Dua, Gua Makam Tok Long dan Gua Taman Impian. Beberapa fitur landskap yang menarik telah dikenalpasti dan boleh dimajukan untuk tarikan pelancongan. Antaranya stalagmit berbentuk buah konifer yang mungkin mempunyai persamaan dengan *Palm Trunc stalagmite* yang jarang terdapat di gua-gua batu kapur di Malaysia. Stalagmit unik ini dan dolina-dolina yang berasosiasi dengannya dicadangkan sebagai monumen geologi Negeri Pahang. Keadaan landskap, gua dan jalan-jalan rintisan sekeliling perbukitan dan ke Gunung Jebak Puyuh berpotensi untuk aktiviti riadah, sukan tahan lasak dan treking rimba.